Chua Boon Hock dan lain-lain lwn Yap Kim Hin dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO WA-22NCvC-199–04 TAHUN 2020
AZIMAH OMAR H
28 MAC 2022

Prosedur Sivil — Penghinaan mahkamah — Prosiding komital — Defendan-defendan memohon kebenaran memulakan prosiding komital — Plaintif-plaintif didakwa memfailkan dan/atau menggunakan afidavit palsu, defektif dan/atau tidak teratur — Sama ada permohonan wajar dibenarkan

Prosedur Sivil — Pihak-pihak — Percantuman pihak-pihak — Plaintif-plaintif memohon untuk membawa masuk atau menambah dua pihak lagi sebagai defendan-defendan baru — Defendan-defendan mencabar ketulenan dan/atau keesahan afidavit sokongan permohonan — Sama ada permohonan wajar dibenarkan

Melalui suatu perjanjian jual beli ('SPA') yang dimasuki oleh defendan-defendan sebagai penjual dengan plaintif-plaintif berserta dua orang yang lain iaitu Soo Teck Lee ('STL') dan Lim Siew Kien ('LSK') sebagai pembeli, defendan-defendan telah menjual dan pembeli telah membeli sebidang tanah ('hartanah') pada harga RM2.6 juta ('harga jualan'). Pembeli telah memasukkan kaveat persendirian mereka ke atas hartanah tersebut dan juga telah membayar keseluruhan harga jualan. Walau bagaimanapun, pihak-pihak telah bersetuju untuk membatalkan SPA tersebut dengan syarat penjual memulangkan keseluruhan harga jualan. Lanjutan persetujuan tersebut, pembeli menarik balik kaveat persendirian dan memulangkan geran asal hartanah kepada penjual. Namun begitu, defendan-defendan telah tidak mematuhi syarat persetujuan mereka untuk memulangkan keseluruhan harga jualan. Plaintif-plaintif memfailkan tindakan writ terhadap defendan-defendan bagi menuntut, antara lain, perintah pelaksanaan spesifik SPA terhadap defendan-defendan. Defendan-defendan telah memohon untuk membatalkan tindakan plaintif-plaintif atas alasan, antara lain, plaintif-plaintif tiada hak dan/atau lokus untuk memfailkan tindakan terhadap defendan-defendan kerana hanya menamakan hanya tiga orang daripada kesemua lima pembeli dan gagal memasukkan STL dan LSK sebagai pihak dalam tindakan. Mahkamah telah menolak permohonan defendan-defendan dan rayuan di Mahkamah Rayuan turut ditolak. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa plaintif-plaintif adalah dikehendaki menambah atau membawa STL dan LSK samada sebagai plaintif-plaintif atau defendan-defendan dalam tempoh 14 hari, dan jika gagal, tindakan

plaintif-plaintif di Mahkamah Tinggi akan dibatalkan ('perintah Mahkamah Rayuan'). Selaras dengan perintah Mahkamah Rayuan, plaintif-plaintif memfailkan kandungan 75 memohon supaya STL dan LSK dicantumkan sebagai defendan ketiga dan keempat. Kandungan 75 disokong oleh afidavit sokongan plaintif kedua ('kandungan 76'). Defendan-defendan telah menentang kandungan 75 dengan membangkitkan suatu bantahan awal terhadap kandungan 76 dan afidavit-afidavit yang difailkan oleh plaintif-plaintif sebelum ini atas alasan: (a) cop dan tandatangan pesuruhjaya sumpah pada kandungan 76 kelihatan dicetak dan/atau nampak sama/serupa dan bukan tulisan asal dan/atau sebenar yang merupakan suatu keadaan yang pelik dan mustahil; dan (b) pesuruhjaya sumpah tersebut menyatakan beliau tidak pernah menandatangani dan mengecapkan cop meterai beliau ke atas semua afidavit-afidavit plaintif-plaintif. Defendan-defendan menegaskan kandungan 76 bukan afidavit yang sah dan harus diabaikan oleh mahkamah. Defendan-defendan juga memfailkan satu notis permohonan ex parte untuk memohon kebenaran mahkamah bagi memulakan prosiding komital terhadap plaintif-plaintif dan Hasniza bt Jaini iaitu rakan kongsi utama firma peguamcara plaintif-plaintif ('kandungan 93'). Defendan-defendan telah bersandarkan dakwaan yang sama dalam menentang kandungan 75 yakni mendakwa terdapat beberapa afidavit-afidavit yang telah difailkan bagi kesemua plaintif-plaintif telah tidak diikrarkan di hadapan pesuruhjaya sumpah kerana pesuruhjaya sumpah telah menafikan yang afidavit-afidavit tersebut pernah diikrarkan di hadapan beliau.

Diputuskan:

(1) Perintah Mahkamah Rayuan adalah perintah berbentuk arahan 'directive' yakni jika ianya tidak dipatuhi oleh plaintif-plaintif ia akan memberi kesan tindakan plaintif-plaintif di Mahkamah Tinggi akan dibatalkan. Plaintif-plaintif telahpun mematuhi arahan atau perintah Mahkamah Rayuan tersebut dengan pemfailan kandungan 75 yang disokong oleh kandungan 76. Mahkamah tidak boleh sewenang-wenangnya menolak kandungan 75 semata-mata atas alasan afidavit sokongan yang difailkan oleh plaintif-plaintif telah didakwa defektif walhal plaintif-plaintif telah mematuhi perintah Mahkamah Rayuan tersebut dengan pemfailan kandungan 75 dalam tempoh masa yang ditetapkan. Tidak adil bagi mahkamah untuk menolaknya atas alasan teknikal. Di samping itu, defendan-defendan tidak boleh membangkitkan alasan teknikal sebegitu untuk menafikan plaintif-plaintif daripada membawa masuk STL dan LSK. Oleh itu, kandungan 75 dibatalkan dengan kebebasan untuk memfailkan semula tertakluk kepada plaintif-plaintif mendapat arahan lanjut Mahkamah Rayuan dalam isu kemasukan STL dan LSK serta tempoh masa plaintif-plaintif bagi membawa masuk mereka berdua (lihat perenggan 26).

(2) Sama ada pengataan pesuruhjaya sumpah benar atau tidak, mahkamah bukanlah forum penentuannya. Mahkamah juga tidak berhasrat untuk membuat sebarang dapatan/ulasan ataupun pandangan atas kedudukan yang dinyatakan oleh pesuruhjaya sumpah tersebut. Pengataan pesuruhjaya sumpah tidak boleh mentaksahkan kandungan 76 kerana pengataan pesuruhjaya sumpah tidak diuji kebenarannnya. Di samping itu, tidak pada bila-bila masapun pesuruhjaya sumpah mendeposkan sebarang afidavit atas penafian pengikraran tersebut. Gesaan defendan-defendan untuk menolak kandungan 75 atas kononnya afidavit yang defektif tidaklah boleh dibuat pada peringkat ini (lihat perenggan 26).

(3) Pemutusan berhubung dakwaan defendan-defendan berhubung kandungan 76 adalah terpakai sama bagi afidavit-afidavit lain yang disenaraikan dan yang didakwa oleh defendan-defendan tidak diikarkan oleh pesuruhjaya sumpah. Justeru itu, dakwaan defendan-defendan berhubung perbuatan penghinaan mahkamah oleh plaintif-plaintif dan Hasniza bt Jaini adalah tidak berbangkit, tidak bermerit dan tidak berasas. Kandungan 93 adalah ditolak (lihat perenggan 33–34).

[English summary

Through a sale and purchase agreement ('the SPA') entered by the defendants as sellers with the plaintiffs together with two other persons namely Soo Teck Lee ('STL') and Lim Siew Kien ('LSK') as buyers, the defendants sold and the buyers had bought a plot of land ('the property') at a price of RM2.6m ('the sale price'). The buyers entered their personal caveat on the property and had also paid the full sale price. However, the parties agreed to cancel the SPA on the condition that the seller returned the entire sale price. In furtherance to the agreement, the buyers withdrew the private caveat and returned the original grant of the property to the sellers. However, the defendants had not complied with the terms of their agreement to return the entire sale price. The plaintiffs filed a writ of action against the defendants to claim, among others, an order of specific performance of the SPA against the defendants. The defendants had applied to strike out the action of the plaintiffs on the grounds, among others, that the plaintiffs had no right and/or locus to file an action against the defendants for only naming three people out of all five buyers and failing to include STL and LSK as party to the action. The court dismissed the defendants' application and the appeal at the Court of Appeal was also dismissed. The Court of Appeal held that the plaintiffs were required to add or bring STL and LSK either as plaintiffs or defendants within 14 days, and if they fail, the action of the plaintiffs in the High Court shall stand as struck off ('the order of the Court of Appeal'). In accordance with the order of the Court of Appeal, the plaintiffs filed encl 75 requesting that STL and LSK be joined as the third and fourth defendants. Enclosure 75 was supported by the second plaintiff's supporting affidavit ('encl 76'). The defendants opposed encl 75 by

raising a preliminary objection to encl 76 and the affidavits previously filed by the plaintiffs on the grounds that: (a) the stamp and signature of the commissioner for oaths on encl 76 appeared to be printed and/or look the same/similar and not original and/or real writing which was a strange and impossible situation; and (b) the commissioner for oaths stated that he never signed and stamped his seal on all the affidavits of the plaintiffs. The defendants asserted that encl 76 was not a valid affidavit and should be ignored by the court. The defendants also filed a notice of ex parte application to seek the court's permission to commence committal proceedings against the plaintiffs and Hasniza bt Jaini who was the main partner of the plaintiffs' solicitor firm ('encl 93'). The defendants had relied on the same allegation in opposing encl 75, which was claiming that there were several affidavits that had been filed for all the plaintiffs that had not been sworn in front of the commissioner for oaths because the commissioner for oaths had denied that the affidavits were ever sworn in front of him.

Held:

(1) The order of the Court of Appeal was an order in the form of a 'directive' instruction, ie if it was not obeyed by the plaintiffs, it would have the effect that the plaintiffs' action in the High Court shall stand as struck off. The plaintiffs had already complied with the instructions or orders of the Court of Appeal by filing encl 75 which was supported by encl 76. The court could not arbitrarily dismiss encl 75 simply on the grounds that the supporting affidavit filed by the plaintiffs had been alleged to be defective whereas the plaintiffs had complied with the order of the Court of Appeal by filing encl 75 within the stipulated time. It would be unfair for the court to dismiss it on technical grounds. In addition, the defendants could not raise such technical grounds to deny the plaintiffs from bringing in STL and LSK. Therefore, encl 75 was struck out with the freedom to file again subject to the plaintiffs getting further instructions from the Court of Appeal on the issue of the entry of STL and LSK and the time for the plaintiffs to bring them both in (see para 26).

(2) Whether the statement of the commissioner for oaths was true or not, the court was not the forum for its determination. The court also did not intend to make any findings/comments or views on the position expressed by the commissioner for oath. The statement of the commissioner for oaths could not verify encl 76 because the statement of the commissioner for oaths had not been tested for its truth. In addition, at no time did the commissioner for oaths file any affidavit denying the oath. The defendants' motion to application to dismiss encl 75 on the alleged defective affidavit could not be made at this stage (see para 26).

(3) The decision regarding the defendants' allegations regarding encl 76 was equally applicable to the other affidavits listed and which the defendants

claimed were not sworn by the commissioner for oath. Therefore, the defendants' allegations regarding contempt of court by the plaintiffs and Hasniza bt Jaini were unfounded, without merit and baseless. Enclosure 93 was dismissed (see paras 33–34).]

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19, A 52 kk 3, 4

Muhammad Ali Redha (Nelson Kho bersamanya) (Lee & Lim) bagi pihak plaintif.
Justin TY Voon (Christina Chin Tee Shan bersamanya) (Justin Voon Chooi & Wing) bagi pihak defendan.

Azimah Omar H:

PENGENALAN

[1] Terdapat dua notis rayuan telah difailkan oleh defendan-defendan dalam kes terhadap dua keputusan yang dibuat oleh mahkamah ini pada 28 Mac 2022 yakni keputusan bagi kandungan 75 dan kandungan 93.

[2] Kandungan 75 adalah merupakan *permohonan plaintif-plaintif untuk membawa masuk dua pihak lagi yakni* Soo Teck Lee (No K/P 680107–10–6053) ('STL') dan *Lim Siew Kien* (No K/P 650930–10–6050) ('LSK) *sebagai defendan-defendan baru.* Dalam erti kata lain STL dan LSK masing-masing dijadikan defendan ketiga dan defendan keempat.

[3] Manakala kandungan 93 pula adalah merupakan notis permohonan ex parte defendan-defendan untuk memohon kebenaran mahkamah bagi memulakan presiding komital terhadap plaintif-plaintif dan Hasniza bt Jaini.

[4] Pada 28 Mac 2022, mahkamah ini telah membuat keputusan-keputusan berikut:

(a) kandungan 75 dibatalkan dengan kebenaran memfailkan semula tertakluk kepada plaintif-plaintif mendapat arahan lanjut Mahkamah Rayuan; dan

(b) kandungan 93 ditolak tanpa sebarang perintah mengenai kos.

[5] Sebelum mahkamah ini memberikan alasannya dalam memberikan perintah-perintah tersebut, molek kiranya latar belakang kes ini yang membawa kepada pemfailan kandungan-kandungan 75 dan 93 dinyatakan di sini bagi memudahkan kefahaman. Ianya seperti berikut:

A (a) plaintif pertama, plaintif kedua dan plaintif ketiga adalah individu-individu warganegara Malaysia yang masing-masing bernama Chua Boon Hock, Chua Yok Sin dan Lim Kien Huat;

(b) defendan pertama (Yap Kim Hin) dan defendan kedua (Lim Geok Kim) adalah juga individu-individu warganegara Malaysia;

(c) melalui suatu perjanjian jual beli bertarikh 24 Februari 2016 ('SPA tersebut') yang dimasuki oleh defendan-defendan sebagai penjual dengan plaintif-plaintif berserta dua orang yang lain iaitu Soo Teck Lee (No K/P 680107–10–6035) ('STL') dan Lim Siew Kien (No K/P 650930–10–6050) ('LSK') sebagai pembeli ('pembeli'), defendan-defendan telah menjual dan pembeli telah membeli sebidang tanah yang dipegang di bawah *hakmilik Geran 47136, Lot No 4472, Mukim dan Daerah Ulu Langat, Negeri Selangor* ('hartanah tersebut') pada harga RM2.6 juta ('harga jualan tersebut');

(d) pembeli kemudiannya telah memasukkan kaveat persendirian mereka ke atas hartanah tersebut dengan Nombor Perserahan 8852/2016 selaras dengan salah satu terma perjanjian jual beli ('SPA tersebut') yang menyebut bahawa pembeli berhak untuk memasukkan kaveat persendirian ke atas hartanah tersebut;

(e) pembeli juga telah membayar keseluruhan harga jualan tersebut berjumlah RM2.6 juta dalam tempoh masa tiga bulan;

(f) walau bagaimanapun, sekitar Oktober 2017, pihak-pihak telah bersetuju untuk membatalkan SPA tersebut dengan syarat penjual memulangkan keseluruhan harga jualan tersebut;

(g) lanjutan daripada persetujuan tersebut, pembeli telah menarik balik kaveat persendirian pembeli dan memulangkan geran asal hartanah tersebut kepada penjual di bawah SPA tersebut. Namun begitu, walaupun pembeli telah mematuhi syarat-syarat mereka berhubung dengan persetujuan untuk membatalkan perjanjian jual beli tersebut, defendan-defendan telah tidak mematuhi syarat persetujuan mereka untuk memulangkan keseluruhan harga jualan sebanyak RM2.6 juta tersebut;

(h) dengan kegagalan defendan-defendan membuat pembayaran balik wang tersebut, plaintif pertama telah bertindak memasukkan kaveat persendirian ke atas hartanah tersebut dengan Nombor Perserahan 47514/2018. Plaintif-plaintif juga telah menanggung bayaran ekstrak surat pengesahan cukai taksiran bertarikh 24 Mei 2019 berjumlah RM20 dan juga cukai tanah bagi tahun 2019 berjumlah RM124.20;

(i) lanjutan daripada kegagalan defendan-defendan untuk memulangkan harga jualan kepada plaintif-plaintif, plaintif kedua telah beberapa kali

menuntut semula geran asal hartanah tersebut, defendan-defendan telah gagal, enggan dan/atau ingkar berbuat demikian;

(j) lantaran itu, plaintif-plaintif telah memfailkan tindakan writ terhadap defendan-defendan bagi menuntut relif-relif yang berikut:

(a) Satu deklarasi bahawa perjanjian jual beli tersebut adalah sah;

(b) Suatu perintah perlaksanaan spesifik perjanjian jual beli tersebut terhadap defendan-defendan;

(c) Suatu perintah injunksi mengarahkan defendan-defendan menyerahkan Dokumen Sekuriti berikut kepada Plaintif-Plaintif iaitu:-

(i) geran asal hakmilik Hartanah tersebut bebas dari sebarang bebanan; dan

(ii) resit cukai tanah semasa dan resit cukai taksiran semasa Hartanah tersebut berserta segala dokumen berkaitan untuk pindah milik Hartanah tersebut;

(iii) suatu perintah injunksi mengarahkan defendan-defendan menandatangani segaia dokumen bagi membolehkan pindah milik Hartanah tersebut dilaksanakan dengan sempurnanya kepada nama Pembeli;

(iv) jika defendan-defendan gagal mematuhi perintah di perenggan (c) dan (d) di sini dalam masa tujuh (7) hari selepas penyerahan Perintah ini, pihak Pejabat Tanah dan Pentadbir/Pendaftar Hakmilik Hartanah yang berkenaan diberi kuasa untuk mengeluarkan suatu geran asal hakmilik Hartanah tersebut bebas dari sebarang bebanan;

(v) suatu perintah mengarahkan Penolong Kanan Pendaftar untuk menandatangani apa-apa dokumen bagi pindah milik Hartanah tersebut kepada nama Pembeli;

(vi) suatu perintah mengekalkan kaveat persendirian yang didaftarkan atas perserahan no. 47514/201B sehingga Hartanah tersebut dipindah milik ke atas nama Pembeli;

(vii) suatu perintah lanjutan masa diberikan supaya Kaveat tersebut dikekalkan dan/atau Pejabat Tanah dan Pentadbir/Pendaftar hakmilik tanah berkenaan tidak membatalkan Kaveat tersebut sehingga nama Pembeli didaftarkan sebagai pemilik berdaftar Hartanah tersebut;

(viii) jumlah sebanyak RM144.20 setakat 26.06.2019. sebagai kos dan perbelanjaan yang telah dibayar oleh plaintif-plaintif yang perlu dibayar oleh defendan-defendan di bawah Perjanjian Jualbeli tersebut;

(ix) faedah pada kadar 8% setahun ke atas RM144.20 dari 26.06.2019 sehingga ke tarikh penyelesaian penuh;

(x) suatu perintah mengarahkan defendan-defendan untuk membayar segala tanggungan di bawah Perjanjian Jualbeli tersebut termasuk segala cukai;

(xi) suatu perintah mengarahkan defendan-defendan membayar kos tindakan ini dan perlaksanaan spesifik Perjanjian Jual Beli tersebut kepada plaintif-plaintif atas dasar peguamcara-anakguam;

(xii) faedah pada kadar 5% setahun terhadap jumlah kos tindakan ini dan perlaksanaan spesifik Perjanjian Jual Beli tersebut dibayar oleh defendan-defendan kepada plaintif-plaintif atas dasar peguamcara-anakguam dari tarikh penghakiman di sini sehingga ke tarikh penyelesaian penuh menurut A 59 Kaedah 24 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012; dan

(xiii) apa-apa relif lanjut yang didapati sesuai dan manfaat oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

PERMOHONAN KANDUNGAN 8

[6] Melalui kandungan 8, defendan-defendan telah memohon untuk membatalkan tindakan plaintif-plaintif menurut A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM 2012') atas alasan-alasan berikut:

(i) plaintif-plaintif tiada hak dan/atau lokus untuk memfailkan tindakan ini;

(ii) wujud duplikasi prosiding;

(iii) tiada asas untuk apa-apa perlaksanaan spesifik perjanjian jual beli (SPA) tersebut; dan

(iv) tiada persetujuan mengenai pemulangan wang RM2.6 juta tersebut.

[7] Dalam membangkitkan alasan (i) defendan-defendan telah menghujahkan bahawa plaintif-plaintif tidak ada hak dan/atau lokus untuk memfailkan tindakan terhadap defendan-defendan kerana mereka telah hanya menamakan hanya tiga orang daripada kesemua pembeli (terdapat lima pembeli) yang terlibat dalam SPA tersebut. Defendan-defendan telah membangkitkan bahawa plaintif-plaintif telah gagal memasukkan pembeli Soo Teck Lee ('STL') dan Lim Siew Kien ('LSK') sebagai pihak dalam tindakan writ terhadap defendan-defendan.

[8] Pada 7 Oktober 2020 mahkamah ini telah menolak kandungan 8 defendan-defendan dengan kos sebanyak RM5,000 tertakluk kepada fi alokatur.

[9] Defendan-defendan yang tidak berpuas hati terhadap keputusan mahkamah ini telah merayu ke Mahkamah Rayuan.

[10] Pada 25 Ogos 2021 Mahkamah Rayuan (panel: YA Datuk Hanipah bt Farikullah, Datuk Azizah bt Nawawi dan YA Datuk Darryl Goon Siew Chye) yang telah membicarakan rayuan defendan-defendan telah memutuskan berikut:

(a) rayuan perayu-perayu/defendan-defendan adalah ditolak;

(b) perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 7 Oktober 2020 dipinda (*varied*) di mana responden-responden/plaintif-plaintif adalah dikehendaki menambah atau membawa Soo Teck Lee (No K/P: 680107–10–6035) ('STL') dan Lim Siew Kien (No K/P: 650930-106050) ('LSK'), samada sebagai plaintif-plaintif atau defendan-defendan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh perintah ini, dan jika responden-responden/plaintif-plaintif gagal berbuat demikian, tindakan responden-responden/plaintif-plaintif terbatal di Mahkamah Tinggi akan dibatalkan ('shall stand as struck off'); dan

(c) kos di dalam kausa.

[11] Selaras dengan perintah Mahkamah Rayuan bertarikh 25 Ogos 2021 tersebut, plaintif-plaintif kemudiannya pada 2 September 2021 telah memfailkan kandungan 75 bagi memohon supaya Soo Teck Lee ('STL') dan Lim Siew Kien ('LSK') dicantumkan sebagai defendan ketiga dan defendan keempat masing-masing dalam tindakan ini.

[12] Dalam kandungan 75 ini, di samping memohon supaya STL dan LSK dibawa masuk sebagai defendan ketiga dan defendan keempat, plaintif-plaintif juga memohon perintah-perintah berikut:

(a) pihak-pihak dibenarkan untuk meminda writ saman, pernyataan tuntutan, pembelaan dan jawapan kepada pembelaan masing-masing yang telah difailkan dalam tindakan ini bagi mencerminkan percantuman STL dan LSK sebagai defendan ketiga dan defendan keempat masing-masing dalam tindakan ini; dan

(b) plaintif-plaintif dibenarkan untuk memfailkan dan menyampaikan salinan writ saman terpinda dan pernyataan tuntutan terpinda kepada defendan-defendan dalam masa 30 hari dari tarikh perintah di sini.

[13] Kandungan 75 ini telah disokong oleh afidavit sokongan Chua Yok Sin yang diikrarkan pada 2 September 2021 (kandungan 76).

PERKARA-PERKARA YANG BERLAKU DALAM PROSES PERBICARAAN KANDUNGAN 75 YANG DIFAILKAN OLEH PLAINTIF-PLAINTIF SELARAS PERINTAH MAHKAMAH RAYUAN BERTARIKH 25 OGOS 2021

Bantahan awal defendan-defendan terhadap kandungan 75

[14] Walaupun terdapat perintah Mahkamah Rayuan yang telah memerintahkan plaintif-plaintif untuk membawa masuk STL dan LSK sama ada sebagai plaintif-plaintif ataupun defendan-defendan, defendan-defendan telah menentang kandungan 75 secara kerasnya dengan membangkitkan suatu bantahan awal terhadap afidavit sokongan (kandungan 76) yang difailkan oleh plaintif-plaintif bagi menyokong kandungan 75. Bantahan juga telah dibangkitkan oleh defendan-defendan ke atas afidavit-afidavit yang difailkan oleh plaintif-plaintif sebelum ini.

[15] Bantahan awal yang dibangkitkan oleh defendan-defendan telah dizahirkan mereka dalam afidavit balasan defendan-defendan (kandungan 77) bagi membalas afidavit kandungan 76 yang, antara lain, mendeposkan seperti berikut:

(a) selepas meneliti salinan afidavit sokongan Chua Yok Sin yang kononnya diikrarkan pada 2 September 2021 (kandungan 76) ('AIS Chua tersebut') yang diserahkan oleh peguamcara plaintif-plaintif ke atas pihak peguamcara defendan, adalah didapati bahawa cop pesuruhjaya sumpah dan tandatangan pesuruhjaya sumpah yang bernama YM Tengku Fariddudin bin Tengku Sulaiman tersebut ('pesuruhjaya sumpah tersebut') adalah nampaknya *dicetak dan/atau semuanya nampak sama/serupa dan bukannya tulisan asal dan/atau sebenar yang merupakan suatu keadaan yang antara lainnya pelik dan mustahil*;

(b) justeru itu, defendan-defendan telah mencabar ketulenan dan/atau keesahan AIS Chua tersebut di mana defendan-defendan mempertikaikan fakta bahawa Chua Yok Sin telah sebenar-benarnya mengikrarkan antara lainnya AIS Chua tersebut di hadapan pesuruhjaya sumpah tersebut yang bernama YM Tengku Fariddudin bin Tengku Sulaiman pada 2 September 2021;

(c) lanjutan daripada itu, defendan-defendan telah mengarahkan peguamcara mereka, iaitu Tetuan Justin Voon Chooi & Wing untuk menghantar satu surat bertarikh 9 September 2021 ('surat JCW tersebut') kepada pesuruhjaya sumpah tersebut untuk mendapatkan pengesahan berkenaan afidavit-afidavit yang berikut yang pernah difailkan bagi pihak plaintif-plaintif dalam presiding di sini yang dikatakan pernah diikrarkan oleh kedua-dua Chua Boon Hock ('plaintif pertama') dan Chua Yok Sin ('plaintif kedua') masing-masingnya (selepas ini secara kolektifnya dirujukkan sebagai 'afidavit-afidavit tersebut'):

No	Tarikh	Dokumen	Diikrarkan oleh	Lampiran (Sistem Mahkamah)
1.	18 Mei 2020	Afidavit jawapan plaintif-plaintif dan 2 ekshibit-ekshibit	Chua Boon Hock	11
2.	10 Jun 2020	Afidavit jawapan (2) plaintif-plaintif	Chua Boon Hock	13
3.	3 November 2020	Afidavit jawapan plaintif-plaintif (menentang Lampiran 27)	Chua Boon Hock	33
4.	3 November 2020	Afidavit jawapan plaintif-plaintif (menentang Lampiran 29)	Chua Boon Hock	34
5.	13 November 2020	Afidavit sokong plaintif-plaintif (menyokong permohonan A 81 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012) dan 7 ekshibit-ekshibit	Chua Boon Hock	36
6.	6 Januari 2021	Afidavit jawapan plaintif-plaintif dan 3 Ekshibit-ekshibit	Chua Boon Hock	44
7.	20 Januari 2021	Afidavit jawapan plaintif-plaintif (2)dan 2 ekshibit-ekshibit	Chua Boon Hock	54
8.	2 September 2021	Afidavit Sokongan & 3 ekshibit-ekshibit	Chua Yok Sin	76

(d) afidavit dalam butiran 8 dalam senarai di atas adalah 'Afidavit Sokongan' (AIS Chua) yakni kandungan 76;

(e) melalui surat JCW tersebut, defendan-defendan telah cuba untuk mendapatkan pengesahan:

(i) sama ada afidavit-afidavit tersebut (termasuk AIS Chua tersebut di sini) sebenarnya diikrarkan oleh Chua Boon Hock dan/atau Chua Yok Sin tersebut di hadapan pesuruhjaya sumpah tersebut pada tarikh-tarikh yang tertera dalam afidavit-afidavit tersebut masing-masingnya; dan

(ii) sama ada pesuruhjaya sumpah tersebut telah sebenarnya menandatangani dan mengecapkan cop meterai pesuruhjaya sumpah tersebut ke atas semua afidavit-afidavit tersebut.

(f) pada 11 September 2021, peguamcara defendan-defendan telah mendapat maklumbalas daripada pihak peguamcara pesuruhjaya

sumpah tersebut, iaitu Tetuan Victoria Martin Chambers bahawa kesemua afidavit-afidavit tersebut tidak pernah ditandatangani oleh Chua Book Hock dan Chua Yok Sin tersebut di hadapan pesuruhjaya sumpah tersebut dan bahawa pesuruhjaya sumpah tersebut tidak pernah menandatangani dan mengecapkan cop meterai beliau ke atas semua afidavit-afidavit tersebut;

(g) defendan-defendan menyatakan bahawa AIS Chua tersebut adalah diaturkan oleh peguam plaintif-plaintif di mana plaintif ketiga (Lim Kien Huat) adalah rakan kongsi utama peguamcara plaintif-plaintif; dan

(h) defendan-defendan menegaskan bahawa kesemua plaintif-plaintif telah melakukan suatu kesalahan yang sangat serius, antara lainnya memperdayakan mahkamah dengan afidavit-afidavit tersebut (termasuk AIS Chua tersebut) yang langsung tidak diikrarkan di hadapan mana-mana pesuruhjaya sumpah dan juga melakukan frod dan/atau penipuan terhadap mahkamah. Tindakan-tindakan plaintif-plaintif adalah antara lainnya gangguan kepada pentadbiran keadilan oleh mahkamah.

[16] Defendan-defendan yang berdiri atas posisi bahawa AIS Chua tersebut adalah tidak diikrarkan/diangkat sumpah di hadapan pesuruhjaya sumpah yang bernama 'YM Tengku Fariddudin bin Tengku Sulaiman' pada 2 September 2021 sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang tersebut, maka adalah menjadi tegasan defendan-defendan bahawa AIS Chua tersebut bukanlah suatu afidavit yang sah.

[17] Adalah menjadi tegasan defendan-defendan juga bahawa AIS Chua juga hendaklah harus diabaikan ('disregarded') oleh mahkamah ini dan oleh itu, AIS Chua atau kandungan 76 tersebut tidak boleh digunakan oleh plaintif-plaintif sebagai afidavit sokongan dan/atau langsung tidak boleh diterima masuk dan kandungan 75 di sini adalah tanpa afidavit untuk menyokongnya.

Bantahan plaintif-plaintif terhadap dakwaan defendan-defendan

[18] Plaintif-plaintif walau bagaimanapun telah menafikan sekeras-kerasnya dakwaan-dakwaan defendan-defendan dan menegaskan berikut:

(a) penelitian yang kononnya dilakukan defendan-defendan dengan tanggapan bahawa cop dan tandatangan pesuruhjaya sumpah adalah 'dicetak dan/atau semuanya nampak sama/serupa dan bukannya tulisan asal dan/atau sebenar' *adalah salah dan/atau terpesong* kerana sewajarnya ia kelihatan dicetak dan bukan tulisan asal berikutan peguamcara plaintif-plaintif dan/atau plaintif-plaintif menyerahkan sesalinan

cetakan (*photostat*) dokumen tersebut bagi tujuan pemfailan dan penyerahan; dan

(b) bahawa cabaran dan/atau pertikaian yang dibangkitkan oleh peguamcara defendan-defendan adalah tidak lebih daripada percubaan defendan-defendan untuk melenggahkan prosiding ini dan/atau mencerminkan niat mala fide defendan-defendan bagi mengekang dan menghalang pencantuman STL dan LSK agar pernyataan tuntutan tersebut boleh dibatalkan.

[19] Plaintif-plaintif di samping itu telah mencabar surat pengesahan peguamcara defendan-defendan atas alasan-alasan bahawa:

(a) ketiadaan catatan dan/atau butiran perkhidmatan pihak pesuruhjaya sumpah tersebut yang seharusnya merekodkan kehadiran deponen termasuklah kehadiran plaintif-plaintif yang telah mendapatkan perkhidmatannya tidak seharusnya memprejudiskan plaintif-plaintif;

(b) kesilapan dan/atau pengabaian pesuruhjaya sumpah yang tidak merekodkan kehadiran plaintif-plaintif di hadapannya adalah kesilapan pesuruhjaya sumpah tersebut sendiri dan adalah di luar kawalan plaintif-plaintif;

(c) plaintif-plaintif turut mencabar keesahan surat daripada Tetuan Victoria Martin Chambers bertarikh 11 September 2021 yang kononnya bertindak bagi pihak YM Tengku Fariduddin bin Tengku Sulaiman dengan menyerahkan eksh 'YKH2' secara email kepada *christina@icw.com.my* walaupun surat pengesahan konon peguamcara defendan-defendan adalah dihantar secara tangan dan langsung tiada rujukan kepada emel *chnstina@icw.com.my* yang dinyatakan dan/atau ianya adalah aturan peguamcara defendan-defendan semata-mata bagi melenggahkan tindakan ini agar pernyataan tuntutan tersebut dapat dibatalkan;

(d) defendan-defendan telah membangkitkan isu afidavit ini dengan niat mala fide;

(e) dakwaan frod dan/atau penipuan ke atas peguamcara defendan-defendan adalah tidak berasas;

(f) plaintif-plaintif menafikan tegasan peguamcara defendan-defendan berhubung ketidakboleh AIS Chua tersebut untuk diterima masuk dan meletakkan defendan-defendan pada beban pembuktian yang kukuh;

(g) peguamcara defendan-defendan sebenarnya cuba mencari kesempatan dengan membangkitkan isu dari sudut teknikal (yang mana adalah dinafikan) untuk menghalang permohonan kandungan 75 yang merupakan suatu permohonan jelas sepertimana yang diarahkan oleh Mahkamah Rayuan; dan

(h) justeru itu, adalah menjadi tegasan plaintif-plaintif bahawa kandungan 75 adalah wajar dibenarkan kerana ianya adalah arahan Mahkamah Rayuan bagi pencantuman STL dan LSK dalam tindakan ini.

[20] Dengan dakwaan oleh defendan-defendan berhubung kebolehterimaan AIS Chua yang dikatakan tidak diikrarkan di hadapan pesuruhjaya sumpah bagi menyokong permohonan kandungan 75 mereka dan penafian plaintif-plaintif terhadap dakwaan tersebut, pada tarikh perbicaraan kandungan 75 pada 19 Januari 2022, mahkamah ini telah mengarahkan Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi NCVC 5 (Puan Ong Yen Li — TPMT NCVC 5) untuk menulis kepada Unit Pesuruhjaya Sumpah untuk menyiasat dakwaan defendan-defendan berhubung dengan penandatanganan afidavit oleh plaintif-plaintif yang tidak dibuat di hadapan pesuruhjaya sumpah bernama YM Tengku Fariddudin bin Tengku Sulaiman tersebut.

[21] Pada 8 Februari 2022, Unit Pesuruhjaya Sumpah ('PJS') telah mengemukakan jawapan seperti berikut:

...

3. Susulan aduan yang diterima oleh Unit ini melalui emel Puan, Unit ini telah memanggil PJS W 533 pada 24 Januari 2022 bagi mendapatkan keterangan juga merujuk kepada dokumen-dokumen berkaitan. Disahkan bahawa kesemua transaksi yang dirujuk adalah dalam tempoh lantikan beliau yang sah.

4. Berikut adalah keterangan yang diambil daripada PJS W 533:

(a) Beliau menafikan memberikan perkhidmatan kepada deponen Chua Boon Hock dan Chua Yok Sin sepertimana dalam dokumen-dokumen lampiran yang dirujuk di dalam emel Puan;

(b) Beliau telah terlebih dahulu membuat laporan polis bagi maksud menafikan perkara tersebut. Sesalinan laporan polis Sentu1/001043/22 yang bertarikh 20 Januari 2022 adalah dilampirkan bersama sebagai Lampiran A;

(c) Beliau turut membawa Buku Daftar beliau bagi rekod transaksi perkhidmatan pada Mei 2020, Jun 2020, November 2020, Januari 2021 dan September 2021. Sesalinan rekod kehadiran pada Tarikh-tarikh yang dirujuk adalah dilampirkan bersama Lampiran B yang mana disahkan bahawa kedua deponen yang dirujuk adalah tidak hadir di hadapan PJS W 533;

(d) Semakan lanjut melalui cop meterai di dalam lampiran dokumen yang dirujuk oleh Puan juga mendapati perbezaan pada bentuk cop meterai sebenar yang digunakan oleh PJS W 533. Sesalinan contoh cop meterai PJS W 533 beserta tandatangan adalah dilampirkan sebagai Lampiran C;

5. Unit ini walau bagaimanapun mengambil serius terhadap aduan yang dirujuk dengan pemantauan berkala yang akan dibuat di sekitar lokasi premis PJS W 533

dan PJS-PJS lain yang berdekatan. Pihak PJS W 533 juga bersedia memberikan kerjasama lanjut sekiranya terdapat arahan/keperluan lanjut yang berkaitan. A

...

[22] Apabila kandungan 75 ini dipanggil di hadapan mahkamah ini untuk dibicarakan pada 28 Mac 2022 mahkamah ini telah memaklumkan jawapan Unit PJS tersebut kepada kedua-dua peguam plaintif-plantif dan defendan-defendan. B

[23] Kemudiannya Encik Justin TY Voon (Justin Voon), peguam defendan-defendan telah menggesa mahkamah ini untuk menolak kandungan 75 dengan kos kepada defendan-defendan atas alasan bahawa tidak ada afidavit yang sah telah diikrarkan oleh plaintif-plaintif bagi menyokong permohonan mereka. Menurut Encik Justin Voon, kandungan 76 tidak boleh diterima pakai kerana tidak diikrarkan di hadapan pesuruhjaya sumpah. C D

[24] Walau bagaimanapun, Encik Ali Redha yang mewakili plaintif-plaintif membantah gesaan Encik Justin Voon dengan mengatakan bahawa plaintif-plaintif hendaklah diberi peluang untuk membetulkan atau meregulasikan kedudukan ini di mana plaintif-plaintif telahpun memfailkan permohonan untuk membetulkan afidavit sokongan tersebut. E

[25] Dalam keadaan ini, mahkamah ini telah membuat keputusan untuk membatalkan kandungan 75 plaintif-plaintif dengan kebenaran untuk memfailkan semula tertakluk kepada plaintif-plaintif mendapatkan arahan lanjut daripada Mahkamah Rayuan berhubung tempoh masa 'time line' yang diberikan kepada plaintif-plaintif dalam memfailkan permohonan untuk kemasukan STL dan LSK dalam tindakan ini. F G

[26] Mahkamah ini telah membuat keputusan sedemikian atas alasan-alasan berikut:

(a) adalah menjadi hakikat yang nyata dan jelas bahawa pada 25 Ogos 2021 Mahkamah Rayuan dalam menolak rayuan defendan-defendan yang merayu atas keputusan mahkamah ini yang menolak permohonan mereka untuk membatalkan tindakan plaintif-plaintif menurut A 18 k 19 KKM 2012 telah mengesahkan keputusan mahkamah ini yang memutuskan bahawa walaupun STL dan LSK tidak menjadi pihak-pihak dalam tindakan ini, tindakan plaintif-plaintif bukanlah satu tindakan yang boleh dibatalkan tanpa suatu perbicaraan penuh dijalankan. Apa yang diperintahkan oleh panel hakim-hakim Mahkamah Rayuan adalah supaya plaintif-plaintif untuk menambah STL dan LSK sama ada sebagai plaintif-plaintif ataupun defendan-defendan dalam H I

tindakan Mahkamah Tinggi dan memberikan plaintif-plaintif tempoh masa 14 hari untuk berbuat demikian;

(b) plaintif-plaintif pada dasarnya telahpun mematuhi arahan Mahkamah Rayuan dengan memfailkan kandungan 75 pada 2 September 2021. Persoalan yang timbul apakah kesan perintah Mahkamah Rayuan apabila Mahkamah Rayuan memerintahkan sebegini:

(a) Rayuan Perayu-Perayu/defendan-defendan ditolak;

(b) Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 7/10/2020 dipinda ('varied') di mana pihak Responden-Responden/Plaintif-Plaintif adalah dikehendaki untuk menambah Soo Teck Lee (No. K/P: 680107–10–6035) dan Lim Siew Kien (No. K/P: 650930–10–6050), sama ada sebagai plaintif-plaintif ataupun defendan-defendan, dalam prosiding Mahkamah Tinggi ini dalam tempoh 14 hari dari tarikh Perintah ini, dan jika Responden-Responden/plaintif-plaintif gagal berbuat demikian, tindakan Responden-Responden/plaintif-plaintif di Mahkamah Tinggi akan dibatalkan ('*shall stand as struck off*', dan

(c) Kos di dalam kausa. (Penekanan ditambah.)

Pembacaan mahkamah ini ke atas perintah Mahkamah Rayuan adalah; perintah adalah berbentuk arahan 'directive' yakni jika ianya tidak dipatuhi oleh plaintif-plaintif ia akan memberi kesan seperti yang dinyatakan sendiri oleh Mahkamah Rayuan bahawa tindakan *responden-responden/plaintif-plaintif di Mahkamah Tinggi akan dibatalkan* ('shall stand as struck off');

(c) dalam kes ini plaintif-plaintif telahpun mematuhi arahan atau perintah Mahkamah Rayuan tersebut dengan pemfailan kandungan 75 yang disokong oleh afidavit kandungan 76. Namun demikian, walaupun terdapat jelas dan nyata arahan atau perintah Mahkamah Rayuan kepada plaintif-plaintif untuk membawa masuk STL dan LSK, defendan-defendan telah membantah kandungan 75 tersebut dengan hanya membangkitkan suatu bantahan teknikal terhadap keesahan afidavit yang difailkan oleh plaintif-plaintif yang mana afidavit sokongan plaintif-plaintif tersebut itu didakwa telah tidak diikrarkan di hadapan seorang pesuruhjaya sumpah yang dengan itu menjadikan afidavit sokongan tersebut menjadi tak sah dan tak boleh terpakai atau tidak boleh digunakan; dan

(d) dalam keadaan ini, mahkamah ini melihat perintah Mahkamah Rayuan dan bantahan defendan-defendan dengan pendekatan berikut:

Pendekatan (a)

Persoalan yang perlu ditanya adalah:

(i) adakah permohonan plaintif-plaintif dalam kandungan 75 yang dibuat atau difailkan atas arahan Mahkamah Rayuan boleh ditolak semata-mata atas dakwaan afidavit sokongan yang tidak diikrarkan di hadapan pesuruhjaya sumpah yang tidak mengakui bahawa afidavit tersebut tidak diikrarkan di hadapan beiiau dan beliau tidak menandatangani afidavit tersebut;

(ii) dengan arahan yang jelas dan nyata daripada Mahkamah Rayuan tersebut boleh defendan-defendan membantah permohonan kandungan 75 tersebut sedangkan arahan bagi membawa masuk STL dan LSK tersebut adalah arahan Mahkamah Rayuan. Di samping itu, arahan lanjut Mahkamah Rayuan adalah jelas di mana jika plaintif-plaintif tidak membawa masuk STL dan LSK dalam tempoh 14 hari, tindakan mereka di hadapan Mahkamah Tinggi adalah dibatalkan ('shall stand as struck off').

Bagi menjawab soalan-soalan (i) dan (ii), mahkamah ini berpandangan bahawa memandangkan Mahkamah Rayuan sendiri telah memerintahkan supaya STK dan SLK dibawa masuk/ditambah sebagai pihak-pihak sama ada sebagai plaintif-plaintif ataupun Defendan-defendan, maka Mahkamah ini tidak boleh sewenang-wenangnya menolak kandungan 75 plaintif-plaintif tersebut semata-mata atas alasan afidavit sokongan yang difailkan oleh plaintif-plaintif telah didakwa defektif walhal plaintif-plaintif telah mematuhi perintah Mahkamah Rayuan tersebut dengan pemfailan kandungan 75 dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Mahkamah ini juga berpandangan bahawa kalaupunlah afidavit sokongan plaintif-plaintif itu tidak boleh menyokong permohonan kandungan 75, kandungan 75 telah difailkan oleh plaintif-plaintif sepertimana arahan Mahkamah Rayuan dan adalah tidak adil bagi mahkamah ini untuk menolaknya atas alasan teknikal sebegitu. Di samping itu, dengan arahan jelas daripada Mahkamah Rayuan untuk membawa masuk atau menambah STL dan LSK, adalah menjadi dapatan mahkamah ini bahawa defendan-defendan tidak boleh membangkitkan alasan teknikal sebegitu untuk menafikan plaintif-plaintif daripada membawa masuk STL dan LSK sepertimana yang diarahkan oleh Mahkamah Rayuan.

Atas alasan-alasan di atas mahkamah ini telah membatalkan kandungan 75 dengan kebebasan untuk memfailkan semula tertakluk kepada plaintif-plaintif mendapat arahan lanjut Mahkamah Rayuan dalam isu kemasukan STL dan LSK serta tempoh masa plaintif-plaintif bagi membawa masuk mereka berdua.

Pendekatan (b)

A Persoalannya kebenaran pengataan Tengku Fariduddin masih belum diuji dan Mahkamah ini bukanlah forum untuk penentuannnya

Mahkamah ini perlu menyentuh kepada dakwaan defendan-defendan berhubung kandungan 76 yang telah dinafikan oleh Tengku Fariduddin diikrarkan di hadapannnya.

Peguam defendan-defendan, Tetuan Justin Voon Chooi & Wing dalam kes ini yang berasa sangsi akan pengikraran yang tertera dalam kandungan 76 dan beberapa afidavit lain telah menulis surat bertarikh 9 September 2021 kepada Tengku Fariduddin untuk mendapatkan pengesahan beliau.

Atas pengesahan yang diminta oleh peguamcara Defendan-defendan iaitu Tetuan Justin Voon Chooi & Wing tersebut, Tengku Fariduddin dikatakan melalui peguamnya (Tetuan Victoria Martin Chambers) telah menulis sepucuk surat bertarikh 11 September 2021 ('surat VCM tersebut') kepada Tetuan Justin Voon Chooi & Wing tersebut di mana Tengku Fariduddin telah menafikan bahawa afidavit-afidavit yang disenaraikan oleh Tetuan Justin Voon Chooi & Wing termasuk kandungan 76 telah diikrarkan di hadapan beliau. Tengku Fariduddin juga mengatakan bahawa beliau tidak pernah menandatangani dan mengecapkan cop meterai beliau ke atas afidavit-afidavit tersebut.

Atas penafian Tengku Fariduddin akan pengikraran kandungan 76, mahkamah ini walaupun telah menerima surat dari Unit PJS yang telah membuat penyiasatan atas Tengku Fariduddin berhubung afidavit kandungan 76 atau afidavit-afidavit lain, namun ini tidak boleh terus membuat kesimpulan yang pengataan Tengku Fariduddin adalah suatu yang benar. Sama ada pengataan Tengku Fariduddin benar atau tidak, mahkamah ini bukanlah forum penentuannya. Mahkamah ini juga tidak berhasrat untuk membuat sebarang dapatan/ulasan/ataupun pandangan atas kedudukan yang dinyatakan oleh Tengku Farididdiddin tersebut. Mahkamah berbuat demikian atas alasan-alasan berikut:

(a) kebenaran pengataan Tengku Fariduddin telah tidak diuji ataupun 'tested' pada setakat ini. Mahkamah ini juga bukanlah forum untuk menentusahkan kebenaran/keesahan kenyataan Tengku Faridudin tersebut kerana Tengku Fariduddin bukanlah pihak yang bertikai di hadapan mahkamah ini. Mahkamah ini tidak boleh membuat keputusan atau penentuan berhubung pengataan Tengku Fariduddin dan kemudiannya memberi kesan kepada afidavit kandungan 76 tersebut;

(b) bagi mahkamah ini, pengataan Tengku Fariduddin tidak boleh mentaksahkan afidavit kandungan 76 kerana pengataan Tengku Farududdin tidak diuji atau 'tested' kebenarannnya;

(c) mahkamah ini berkata sebegini kerana kalaulah benar afidavit kandungan 76 tidak diikrarkan di hadapan Tengku Fariduddin dan beliau (Tengku Fariduddin) tidak menandatangani afidavit tersebut, maka perlakuan plaintif-plaintif dalam menggunakan Cop Pesuruhjaya Sumpah Tengku Fariduddin dan tandatangannya adalah satu perlakuan jenayah yakni frod/penipuan/tandatangan palsu/cop palsu. Ini merupakan perlakuan jenayah yang serius. Namun di sini, Tengku Fariduddin tidak nampak begitu dan tidak nampak kesan serius penafiannnya. Tengku Fariduddin yang telah menafikan pengikraran dibuatnya/menafikan copnya/menafikan tandatangan telah hanya membuat penafian melalui surat yang ditulis peguamnya bertarikh 11 September 2021;

(d) selepas mengetahui kononnya yang copnya dan tandatangannya dipalsukan, Tengku Fariduddin ini tidak melihat ini satu perkara jenayah yang serius di mana beliau telah berdiam diri dan telah tidak membuat sebarang laporan polis serta merta pada bulan September 2021 lagi. Tetapi Tengku Fariduddin hanya nampak ianya satu perkara yang serius apabila mahkamah ini telah memaklumkan pihak-pihak bahawa mahkamah ini akan menulis kepada Unit PJS untuk menyiasat perkara pengataan Tengku Fariduddin tersebut;

(e) pada masa inilah Tengku Fariduddin telah hanya membuat laporan polisnya pada 20 Januari 2022. Laporan polis ini telah hanya dibuat selepas mahkamah ini membangkitkan berkenaan Unit PJS kepada peguam-peguam pada 19 Januari 2022 yang mana mahkamah ini akan mengarahkan Timbalan Pendaftar merujuk dakwaan peguam Defendan-defendan kepada Unit PJS. Tengku Fariduddin yang kononnya menafikan pengikraran/tandatangan dan copnya dipalsukan hanya memandang yang suatu laporan polis perlu dibuat selepas Unit PJS dilibatkan dalam hal ini. Selama tempoh lebih empat bulan Tengku Fariuddin tidak langsung mengambil berat akan keseriusan dakwaannya yakni surat peguam beliau iaitu Tetuan VCM bertarikh 11 September 2021 hingga tarikh laporan polis dibuat pada 20 Januari 2022 dan selepas mahkamah ini merujuk dakwaan ke Unit PJS;

(f) di samping itu, mahkamah ini perlu mengambil notis kehakiman dan pengalaman mahkamah ini semasa menjalankan tugas dalam mengendalikan dan mengawasi pesuruhjaya-pesuruhjaya sumpah di seluruh Malaysia bahawa tidak boleh dinafikan wujudnya pesuruhjaya sumpah-pesuruhjaya sumpah yang tidak bertanggungjawab yang tidak mematuhi peraturan-peraturan pesuruhjaya sumpah dalam menjalankan tugas mereka; antara lainnya, mereka hendaklah membuat pengikraran

hanya di premis mereka yang berdaftar dengan Unit PJS, setiap deposisi hendaklah direkodkan dalam buku daftar mereka, dan mereka tidak boleh bergerak atau 'mobile'. Mahkamah ini perlu nyatakan bahawa wujud aduan-aduan bahawa pesuruhjaya sumpah yang bergerak (*mobile*) dalam menjalankan tugas mereka dan ada kalanya mereka menjalankan tugas mereka di luar premis yang didaftarkan dan tidak ada rekod dibuat terhadapnya seila telah meningggalkan cop pesuruhjaya sumpah/cop tandatangannya pada sesuatu lokasi. Jadi, apabila berlaku penyiasatan atas perkara ini masing-masing cuba menyelamatkan diri dengan pelbagai cara. Justeru itulah mahkamah ini katakan awal tadi kebenaran pengataan Tengku Fariduddin tidak diuji 'tested' dan mahkamah ini bukanlah forum bagi penentuan tersebut;

(g) di samping itu, mahkamah ini perlu menegaskan bahawa tidak pada bila-bila masapun Tengku Fariduddin mendeposkan sebarang afidavit atas penafian pengikraran tersebut; dan

(h) dengan kedudukan yang sebegini, adalah menjadi pandangan mahkamah ini bahawa gesaan peguam defendan-defendan untuk menolak kandungan 75 atas kononnya afidavit yang defektif tidaklah boleh dibuat pada peringkat ini. Justeru itu mahkamah ini berpandangan adalah lebih adil untuk Mahkamah ini membatalkan kandungan 75 dengan kebebasan untuk memfailkan semula bagi membolehkan plaintif-plaintif mendapat arahan yang selanjutnya dari Mahkamah Rayuan kerana perintah untuk membawa masuk atau menambah STL dan LSK telah dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan. Maka adalah wajar untuk arahan lanjut diberikan oleh Mahkamah Rayuan kerana plaintif-plaintif telahpun mematuhi arahan Mahkamah Rayuan tetapi permohonannya telah ditentang defendan-defendan atas alasan teknikal yang kepastian belumpun jelas.

KANDUNGAN 93

[27] Seperti yang telah dinyatakan di awal penghakiman, mahkamah ini juga pada 28 Mac 2022 telah menolak kandungan 93 yang difailkan oleh defendan-defendan tanpa sebarang perintah untuk kos.

[28] Kandungan 93 ini adalah notis permohonan ex parte yang difailkan oleh defendan-defendan bagi mendapatkan kebenaran mahkamah ini untuk memulakan prosiding komital terhadap individu-individu berikut:

(a) *Chua Boon Hock* (No K/P: 660206–10–6497) (plaintif pertama — CBH);

(b) *Chua Yok Sin* (No K/P: 591214–10–6693) (plaintif kedua — CYS);

(c) *Lim Kien Huat* (No K/P: 690526-08-5469) (plaintif ketiga — LKH,

salah satu rakankongsi utama firma peguamcara plaintif-plaintif, iaitu Tetuan Lee & Lim); dan

(d) *Hasniza bt Jaini* (HJ yang merupakan salah satu rakankongsi utama firma peguamcara plaintif-plaintif, iaitu Tetuan Lee & Lim).

[29] Dalam membuat permohonan kandungan 93 ini, defendan-defendan telah bersandarkan dakwaan yang sama dalam menentang kandungan 75 yakni mendakwa terdapat beberapa afidavit-afidavit yang telah difailkan bagi kesemua plaintif-plaintif telah tidak diikrarkan di hadapan pesuruhjaya sumpah bernama Tengku Fariduddin bin Tengku Sulaiman (Tengku Fariduddin) kerana Tengku Fariduddin telah menafikan yang afidavit-afidavit tersebut pernah diikrarkan di hadapan beliau.

[30] Dengan pengataan Tengku Fariduddin tersebut, defendan-defendan dalam kes ini telah mendakwa bahawa *CBH, CYS dan LKH* telah melakukan perbuatan menipu dan/atau mengelirukan ('mislead') mahkamah ini dengan memfailkan, merujuk, menyandar dan/atau menggunakan afidavit-afidavit tersebut yang sebenarnya palsu dan tidak pernah diikrarkan oleh CBH dan/atau CYS masing-masingnya. Justeru itu, mereka (CBH, CYS dan/atau LKH) telah melakukan suatu perbuatan penghinaan mahkamah yang sangat jelas.

[31] Menurut defendan-defendan lagi, plaintif-plaintif (iaitu CBH, CYS dan LKH) telah melakukan suatu penghinaan terhadap mahkamah dan/atau mengganggu pentadbiran keadilan mahkamah yang mewarankan suatu komital dengan, antara lainnya, mengelirukan ('misleading'), memperdaya ('deceiving') dan/atau menipu ('defrauding') mahkamah ini melalui pemfailan dan/atau penggunaan afidavit-afidavit tersebut yang palsu, defektif dan/atau tidak teratur dalam prosiding-prosiding mahkamah ini.

[32] Di samping itu, peguamcara plaintif-plaintif, iaitu Tetuan Lee & Lim (di mana LKH dan Hasniza tersebut adalah rakankongsi-rakankongsi) melakukan suatu penghinaan terhadap mahkamah dan/atau mengganggu pentadbiran keadilan mahkamah yang mewarankan suatu komital dengan antara lainnya mengelirukan ('misleading'), memperdaya ('deceiving') dan/atau menipu ('defrauding') mahkamah ini melalui pengaturan, pemfailan dan/atau penggunaan afidavit-afidavit tersebut yang palsu, defektif dan/atau tidak teratur dalam prosiding-prosiding mahkamah ini.

[33] Mahkamah ini telahpun membuat pemutusan berhubung dakwaan defendan-defendan berhubung kandungan 76 di perenggan [24] dan [25] adalah terpakai sama bagi afidavit-afidavit lain yang disenaraikan dan yang didakwa oleh defendan-defendan tidak diikarkan oleh Tengku Fariduddin.

A **[34]** Justeru itu, dakwaan defendan-defendan berhubung perbuatan penghinaan mahkamah oleh plaintif-plaintif (CBH, CYS, LKH) dan Hasniza adalah tidak berbangkit, tidak bermerit dan tidak berasas. Oleh yang demikian kandungan 93 yang difailkan oleh defendan-defendan untuk kebenaran memulakan prosiding komital menurut A 52 k 3 dan 4 Kaedah-Kaedah
B Mahkamah 2012 ('KKM 2012') semestinyalah ditolak.

Perintah sewajarnya.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh

C

D

E

F

G

H

I